



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA: MENGGALAS TANGGUNGJAWAB KEAMANAN BERSAMA”

25 Mac 2022 / 22 Syaaban 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾<sup>2</sup>

(Surah Ali 'Imran ayat 104)

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan dan menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada segala keburukan, dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya; semoga iman dan takwa kita terus subur, tersemat kemas dalam jiwa dan sanubari sehingga saat kita menemui Yang Maha Esa. Bersempena Sambutan Hari Polis ke-215, yang disambut pada 25 Mac setiap tahun, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA: MENGGALAS TANGGUNGJAWAB KEAMANAN BERSAMA”.

Polis Diraja Malaysia diamanahkan dengan tanggungjawab menjaga ketenteraman awam dan menjamin keselamatan negara melalui penguatkuasaan undang-undang. Polis Diraja Malaysia ditubuhkan apabila termaktubnya Piagam Keadilan di Pulau Pinang pada 25 Mac 1807. Namun sejarah mencatatkan peranan polis telah wujud pada zaman Kerajaan

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



Kesultanan Melayu; ketika itu institusi Temenggung yang dibantu oleh para hulubalang, diberikan tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang syariah dan adat.

Malah sejarah juga membuktikan, kerja-kerja kepolisian telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW. Menurut Imam Al-Bukhari, daripada Anas bin Malik, menceritakan Qais bin Saad pernah dilantik sebagai ketua keselamatan di Kota Madinah oleh Rasulullah SAW sebagaimana mafhumnya: “Qais bin Saad pernah berada di hadapan Nabi SAW dengan tugasnya sebagai penjaga keselamatan pemerintah”.

Ketika Sayidina Umar bin al-Khattab RA menjadi khalifah, beliau telah menyusun struktur pentadbiran demi memastikan kelicinan jentera pemerintahan dengan mewujudkan sebuah pasukan keselamatan untuk menjaga keamanan orang awam. Bahkan beliau sendiri turut serta dalam operasi rondaan waktu malam untuk melihat keadaan rakyat, dan menjaga keselamatan serta kebajikan mereka. Bermakna dalam sistem pemerintahan Islam, polis ialah sebuah institusi yang diwujudkan dengan peranan untuk menguatkuasakan undang-undang, serta menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara.

### **Muslimin yang dikasihi Allah,**

Negeri Perak mempunyai bilangan penduduk sekitar dua perpuluhan lima juta (2.51 juta) orang, berbanding sembilan ribu lapan ratus dua puluh (9820) orang anggota polis pelbagai pangkat dan jawatan yang ditempatkan di Kontinjen Polis Perak; meletakkan nisbah seorang anggota polis ditugaskan kepada dua ratus lima puluh enam orang. Tugas polis bukan sekadar mencegah jenayah, tetapi turut diperlukan untuk mengawal ketenteraman awam setiap kali ada perayaan, pesta, perhimpunan, bencana dan kemalangan, di samping mendapatkan pelbagai maklumat dan melakukan pelbagai risikan mengenai kegiatan-kegiatan subversif oleh musuh-musuh negara atau mereka yang mahu melakukan kekacauan.

Sepanjang tahun 2021, Polis Perak menerima lapan ribu enam ratus empat puluh tujuh (8647) laporan, pada purata dua puluh empat laporan setiap hari. Setiap laporan perlu diberikan perhatian untuk disediakan kertas siasatan, dilakukan siasatan, dan jika cukup bukti, dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk dilakukan pendakwaan. Dalam urusan mahkamah, anggota polis diperlukan melakukan pelbagai tugas, daripada mengawal orang yang kena tuduh dalam perjalanan pergi balik dari tempat tahanan ke mahkamah, disoal jawab oleh pendakwa dan peguam bela di kandang saksi, menjaga keselamatan mahkamah dan pelbagai tugas lain.



Pada waktu berlaku kesesakan lalu lintas, anggota polis dibakar terik matahari dan dimandi kesejukan hujan bertugas di jalan-jalan raya. Ketika rakyat menikmati juadah berbuka puasa, berpakaian indah menyambut hari-hari perayaan bersama keluarga, anggota polis, berbuka puasa dan menyambut hari-hari perayaan dalam kereta ronda, dalam bot peronda yang dilambung ombak, bertugas di pinggir bangunan, di pinggir pagar dan di pinggir jalan, juga di pinggir-pinggir bukit, belukar dan hutan.

Ketika menguruskan bencana, anggota polis tidak mengenal tidur, tidak mengenal lapar dan dahaga, ada yang tidak berpeluang untuk mandi dan bertukar pakaian sehingga berhari-hari. Demikian tugas berat para anggota polis kepada masyarakat dan negara. Antara mereka, ada yang cedera, dan ada yang kehilangan nyawa semasa melaksanakan tugas. Pengorbanan mereka secara tidak langsung, turut sama dilakukan oleh anggota keluarga.

Masyarakat tidak boleh bersikap sepi, membisu, memejamkan mata, memekakkan telinga, membiarkan tanggungjawab menjaga ketenteraman awam dan menjamin keselamatan negara kepada pasukan polis sepenuhnya. Anggota masyarakat hendaklah tampil ke hadapan membantu tugas-tugas polis untuk membanteras jenayah dengan menjadi mata dan telinga pihak polis, menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan perkara-perkara yang dilihat mencurigakan dalam persekitaran tempat tinggal, tempat berniaga dan tempat kerja kita, bertepatan dengan perintah Allah SWT dalam ayat 2, Surah al-Maidah;

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu saling membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan dan janganlah kamu saling membantu pada perkara dosa (maksiat) dan permusuhan”.

serta hadis Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ،  
وَذَلِكَ أضعفُ الأيمانِ.

Maksudnya: “Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya (kuasa), sekiranya dia tidak mampu, maka ubah dengan lisan (percakapan dan penulisan), sekiranya dia tidak mampu juga, maka dengan hati, yang demikian adalah selemah-lemah iman”. (Riwayat Muslim)

Hubungan polis dan rakyat laksana aur dengan tebing yang saling membantu, saling memerlukan dan saling mengukuhkan antara satu sama lain. Kerjasama pasukan polis dan



masyarakat yang berjaya dijalinan secara erat akan dapat membantu usaha-usaha membasmi jenayah secara lebih berkesan, dan rakyat akan hidup dalam suasana lebih tenteram dan keselamatan negara akan lebih terjamin. Mimbar menyenaraikan lima perkara yang masyarakat boleh lakukan untuk membantu tugas-tugas polis:

**Pertama:** Segera laporkan kepada pihak polis jika terdapat perkara-perkara pelik yang meragukan. Makluman awal sangat membantu polis dalam tugas membanteras dan membendung jenayah.

**Kedua:** Memastikan nombor talian kecemasan dan bilik gerakan polis yang beroperasi 24 jam, disimpan dalam telefon peribadi, serta dipamerkan di tempat-tempat awam seperti perhentian bas, stesen kereta api, lapangan terbang, masjid, dewan orang ramai, hospital, sekolah dan sebagainya, bagi memudahkan laporan secara pantas boleh dibuat.

**Ketiga:** Melibatkan diri dalam program-program pencegahan jenayah anjuran pihak polis.

**Keempat:** Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Penduduk, Jawatankuasa Masjid, Pertubuhan Belia dan badan-badan sukarela, mempergiatkan kerjasama dengan pihak polis dan membantu polis dalam kerja-kerja pencegahan jenayah.

**Kelima:** Menunjukkan penghargaan kepada anggota polis dengan menghulurkan pertolongan dan bantuan untuk membolehkan mereka bertugas dengan lebih cekap, dalam bentuk yang dibenarkan oleh perkhidmatan dan tidak bercanggah dengan undang-undang.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>٦</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>٥</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW



## Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Eratkan persaudaraan sesama Muslimin. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>٧</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>٨</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا  
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, tautkanlah hati kami bersama, agar saling membantu melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Berilah perlindungan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan dan limpahkan rahmat ihsan Mu kepada para anggota yang telah terkorban sewaktu menjalankan tugas. Terimalah khidmat bakti mereka dengan melimpahkan mereka dan keluarga mereka ganjaran dunia - ganjaran akhirat. Tabahkan hati mereka ketika bertugas, begitu juga cekalkan hati ahli-ahli keluarga mereka yang turut menghadapi dugaan.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Teguhkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk kaum muslimin



milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Qahhar Ya Jabbar!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah, jujur dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibn Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾